



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB** dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

**CADANGAN KERJA MEMBAIKI KECACATAN NO. 1 BAGI CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF TEMPAT LETAK KERETA DI BASEMENT 1, 2 & 3 DI IBU PEJABAT MARA, JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR**

NO. SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN CIDB	TARIKH, MASA & TAKLIMAT/TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2019/10	GRED G2 KATEGORI B PENGKHUSUSAN B04	9/05/2019 10.00 pagi  LOBI BASEMENT 1 (HADAPAN GYM MARA) IBU PEJABAT MARA, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR	10/05/2019 HINGGA 17/05/2019	RM25.00	24/05/2019 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

**\*\* SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA SESI TAKLIMAT TAPAK**

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-

- Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

Satu (1) salinan siji-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa mengambil dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada **waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang)** seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

4. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara **BANK DRAF / WANG POS** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / CIDB** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

7. **MARA** tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **bermeterai** dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN,**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER), LOT 3.15,**  
**IBU PEJABAT MARA, NO 21, JALAN MARA,**  
**50609 KUALA LUMPUR.**

Pada atau sebelum tarikh tutup **sebut harga jam 12.00 tengahari**

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>